



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**TEMPOH ASAS BAGI SYARIKAT DALAM
PEMBUBARAN**

KETETAPAN UMUM NO. 7/2016

TARIKH PENERBITAN: 7 OKTOBER 2016



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**TEMPOH ASAS BAGI SYARIKAT
DALAM PEMBUBARAN**

**Ketetapan Umum No. 7/2016
Tarikh Penerbitan: 7 Oktober 2016**

Diterbitkan oleh:

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi pertama

© 2016 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**TEMPOH ASAS BAGI SYARIKAT
DALAM PEMBUBARAN**

**Ketetapan Umum No. 7/2016
Tarikh Penerbitan: 7 Oktober 2016**

KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Pengenalan	1
5. Penentuan Tempoh Asas Bagi Syarikat Dalam Pembubaran	2
6. Tarikh Penghantaran Borang Nyata Cukai Pendapatan	18

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 [ACP] memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian dari Ketetapan Umum ini melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**



TEMPOH ASAS BAGI SYARIKAT DALAM PEMBUBARAN

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Ketetapan Umum No. 7/2016
Tarikh Penerbitan: 7 Oktober 2016

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menerangkan penentuan tempoh asas bagi syarikat dalam pembubaran.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang telah berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.

2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2 dan 21A, subseksyen 77A(1), 77A(2) dan 77A(4).

3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

3.1 "Operasi" bermaksud suatu aktiviti yang terdiri daripada:

3.3.1 menjalankan suatu perniagaan;

3.3.2 membuat pelaburan;

3.3.3 menjalankan perniagaan dan membuat pelaburan; atau

3.3.4 membuat pelaburan sebelum permulaan perniagaan atau selepas pemberhentian perniagaan.

3.2 "Syarikat" bermaksud suatu pertubuhan perbadanan dan termasuklah mana-mana kumpulan orang yang ditubuhkan dengan suatu identiti yang berasingan di sisi undang-undang oleh atau di bawah undang-undang sesuatu wilayah di luar Malaysia dan suatu amanah perniagaan.

3.3 "Tahun gagal" bermaksud tahun di mana terdapat kegagalan untuk menutup akaun pada tarikh perakaunan biasa.

4. Pengenalan

4.1 Pembubaran atau penggulungan sebuah syarikat adalah satu proses di mana semua aset syarikat akan disita dan dijual dengan prosid digunakan untuk membayar hutang dan liabiliti syarikat. Lebihannya akan dibahagikan antara pemegang saham atau penyumbang syarikat mengikut hak kelayakan masing-masing. Selepas selesai pembubaran, syarikat akan dibubarkan dan kewujudannya ditamatkan.

4.2 Pembubaran syarikat boleh berlaku melalui dua cara:

4.2.1 Pembubaran secara sukarela

Pembubaran secara sukarela oleh ahli dimulakan oleh pemegang saham syarikat melalui satu resolusi khas yang dibuat untuk membubarkan syarikat.

Pembubaran secara sukarela oleh pemiutang syarikat dimulakan oleh pemiutang syarikat melalui satu resolusi khas dalam mesyuarat yang dihadiri oleh pemegang saham dan pemiutang untuk membubarkan syarikat.

4.2.2 Pembubaran syarikat melalui perintah Mahkamah

Pembubaran melalui perintah Mahkamah (pembubaran syarikat secara paksa) bermula daripada satu perintah pembubaran atau penggulungan syarikat yang dikeluarkan oleh Mahkamah atas petisyen yang dibuat oleh mana-mana orang yang berhak menfailkan petisyen penggulungan syarikat.

4.3 Bagi sebuah syarikat dalam pembubaran, akaun penyelesai (*Liquidator's Account of Receipts & Payments & A Statement of the Position in the Winding Up*) perlu disediakan untuk tempoh 6 bulan dari tarikh penyelesai dilantik dan kemudian, bagi tempoh setiap 6 bulan berikutnya.

5. Penentuan Tempoh Asas Bagi Syarikat Dalam Pembubaran

5.1 Penentuan tempoh asas bagi syarikat dalam pembubaran adalah diperuntukkan di bawah subseksyen 21A(3) ACP dan mengikut prinsip yang dinyatakan dalam KU No.8/2014 bertajuk "Tempoh Asas Bagi Suatu Syarikat, Perkongsian Liabiliti Terhadap, Badan Amanah dan Koperasi".

5.2 Mulai tahun taksiran (TT) 2014, syarikat yang telah beroperasi dan menyediakan akaun bagi suatu tempoh 12 bulan berakhir pada mana-mana hari dalam suatu tahun asas dan gagal menutup akaun pada tarikh yang sama dalam tahun asas berikutnya (tahun gagal), Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) akan menentukan tempoh asas untuk TT di mana kegagalan berlaku dan TT berikutnya.

5.3 Peruntukan ini terpakai kepada semua kes tidak kira sama ada akaun syarikat ditutup pada 31 Disember atau pada suatu tarikh selain 31 Disember sebelum tahun gagal dan termasuk syarikat dalam pembubaran.

5.4 Dalam menentukan tempoh asas bagi tahun gagal dan tahun-tahun berikutan tahun gagal bagi syarikat dalam pembubaran, tempoh perakaunan yang disediakan oleh syarikat dalam tahun gagal boleh diterima secara umumnya oleh KPHDN dengan syarat bahawa-



**TEMPOH ASAS BAGI SYARIKAT
DALAM PEMBUBARAN**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 7/2016
Tarikh Penerbitan: 7 Oktober 2016**

- i. tiada TT yang tertinggal;
 - ii. tidak ada dua atau lebih akaun yang ditutup dalam TT yang sama yang akan diambil kira sebagai tempoh asas bagi tahun gagal atau TT berikutan tahun gagal; dan
 - iii. akaun pertama yang ditutup dalam tahun gagal akan diambil sebagai tempoh asas bagi tahun gagal atau akaun itu akan digabungkan dengan akaun berikutnya dan diambil kira sebagai tempoh asas bagi TT dalam tahun gagal.
- 5.5 Syarikat yang diletakkan di bawah pembubaran perlu menyediakan akaun untuk tempoh 6 bulan dari tarikh lantikan penyelesaian dan kemudian untuk tempoh setiap 6 bulan berikutnya. Dua set akaun untuk tempoh setiap 6 bulan boleh digabungkan untuk menjadi tempoh asas bagi suatu TT.

5.6 Pertukaran tempoh perakaunan berikutan pembubaran syarikat

5.6.1 Akaun baharu disediakan kurang daripada 12 bulan dan berakhir dalam tahun yang sama dengan akaun sebelum pembubaran

Suatu syarikat dalam pembubaran boleh menukar tempoh perakaunannya. Set akaun pertama yang ditutup dalam tahun gagal akan diambil sebagai tempoh asas bagi tahun gagal, atau akaun itu akan digabungkan dengan set akaun berikutnya dan diambil sebagai tempoh asas bagi suatu TT.

Contoh 1

Transmillenium Sdn Bhd (akaun ditutup pada 30 April setiap tahun) dibubarkan secara sukarela pada 25.9.2014 dan seorang penyelesaian dilantik pada tarikh yang sama.

Berikutan pembubaran syarikat, tempoh perakaunan syarikat disediakan seperti berikut:

TT	Tempoh Perakaunan	Tempoh
2014 (sebelum pembubaran)	01.05.2013 - 30.04.2014	12 bulan
Tahun gagal	01.05.2014 - 24.09.2014	4 bulan 24 hari
	25.09.2014 - 24.03.2015	6 bulan
	25.03.2015 - 24.09.2015	6 bulan



**TEMPOH ASAS BAGI SYARIKAT
DALAM PEMBUBARAN**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 7/2016
Tarikh Penerbitan: 7 Oktober 2016**

	25.09.2015 - 24.03.2016	6 bulan
--	-------------------------	---------

Tempoh asas ditentukan seperti berikut:

TT	Tempoh Asas	Tempoh
2014	01.05.2013 - 30.04.2014	12 bulan
2015	01.05.2014 - 24.09.2014	4 bulan 24 hari
	25.09.2014 - 24.03.2015	6 bulan
2016	25.03.2015 - 24.09.2015	6 bulan
	25.09.2015 - 24.03.2016	6 bulan

Nota:

1. Tahun gagal adalah tahun 2015. KPHDN akan menentukan tempoh asas bagi TT 2015 dan TT seterusnya.
2. Tempoh perakaunan baharu dan tempoh perakaunan berikutnya digabungkan sebagai tempoh asas bagi TT dalam tahun gagal. Oleh itu, akaun bagi tempoh dari 1.5.2014 hingga 24.9.2014 digabungkan dengan akaun bagi tempoh 25.9.2014 hingga 24.3.2015 dan diambilkira sebagai tempoh asas bagi TT 2015.
3. Kedua-dua tempoh perakaunan 6-bulan seterusnya merupakan tempoh asas bagi TT berikutnya.

Contoh 2

Pemegang saham Bintang Biru Sdn Bhd memulakan proses pembubaran syarikat secara sukarela dan seorang penyelesaian dilantik untuk mengambil alih hal ehwal syarikat pada 18.12.2014. Syarikat yang kebiasaannya menutup akaun pada 31 Mac setiap tahun telah menukar tempoh perakaunan seperti berikut:

TT	Tempoh Perakaunan	Tempoh
2014	01.04.2013 - 31.03.2014	12 bulan
Tahun gagal	01.04.2014 - 17.12.2014	8 bulan 17 hari
	18.12.2014 - 17.06.2015	6 bulan
	18.06.2015 - 17.12.2015	6 bulan
	18.12.2015 - 17.06.2016	6 bulan



**TEMPOH ASAS BAGI SYARIKAT
DALAM PEMBUBARAN**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 7/2016
Tarikh Penerbitan: 7 Oktober 2016**

Tempoh asas ditentukan seperti berikut:

TT	Tempoh Asas	Tempoh
2014	01.04.2013 - 31.03.2014	12 bulan
2015	01.04.2014 - 17.12.2014	8 bulan 17 hari
	18.12.2014 - 17.06.2015	6 bulan
2016	18.06.2015 - 17.12.2015	6 bulan
	18.12.2015 - 17.06.2016	6 bulan

Nota:

1. Tahun gagal adalah tahun 2015. KPHDN akan menentukan tempoh asas bagi TT 2015 dan TT seterusnya.
2. Tempoh perakaunan baharu dan tempoh perakaunan berikutnya digabungkan sebagai tempoh asas bagi TT dalam tahun gagal. Oleh itu, akaun bagi tempoh dari 1.4.2014 hingga 17.12.2014 digabungkan dengan akaun bagi tempoh 18.12.2014 hingga 17.6.2015 dan diambil kira sebagai tempoh asas bagi TT 2015.
3. Tempoh perakaunan 18.6.2015 hingga 17.12.2015 digabungkan dengan tempoh 18.12.2015 hingga 17.6.2016 dan diambil kira sebagai tempoh asas TT 2016.
4. Kedua-dua tempoh perakaunan 6-bulan seterusnya merupakan tempoh asas bagi TT berikutnya.

5.6.2 Akaun baharu disediakan bagi tempoh kurang daripada 12 bulan dan berakhir dalam tahun yang berikutnya

Suatu syarikat menukar tempoh perakaunan dan akaun baharu berakhir dalam tahun yang berikutnya. Set akaun pertama yang ditutup dalam tahun gagal diambil kira sebagai tempoh asas bagi TT dalam tahun gagal.

Contoh 3

Pemegang saham Restu Dinamik Sdn. Bhd. memulakan pembubaran secara sukarela melalui satu resolusi khas yang dibuat untuk membubarkan syarikat. Syarikat dibubarkan pada 21.8.2015 mengikut Notis Resolusi dan seorang penyelesai dilantik pada tarikh yang sama.

Berikutan pembubaran secara sukarela, akaun syarikat yang biasa ditutup pada 31 Disember setiap tahun ditukar seperti berikut:



**TEMPOH ASAS BAGI SYARIKAT
DALAM PEMBUBARAN**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 7/2016
Tarikh Penerbitan: 7 Oktober 2016**

TT	Tempoh Perakaunan	Tempoh
2014	01.01.2014 - 31.12.2014	12 bulan
Tahun gagal	01.01.2015 - 20.08.2015	7 bulan 20 hari
	21.08.2015 - 20.02.2016	6 bulan
	21.02.2016 - 20.08.2016	6 bulan
	21.08.2016 - 20.02.2017	6 bulan
	21.02.2017 - 20.08.2017	6 bulan

Tempoh asas bagi syarikat ditentukan seperti berikut:

TT	Tempoh Asas	Tempoh
2014	01.01.2014 - 31.12.2014	12 bulan
2015	01.01.2015 - 20.08.2015	7 bulan 20 hari
2016	21.08.2015 - 20.02.2016	6 bulan
	21.02.2016 - 20.08.2016	6 bulan
2017	21.08.2016 - 20.02.2017	6 bulan
	21.02.2017 - 20.08.2017	6 bulan

Nota:

1. Tahun gagal adalah tahun 2015. KPHDN akan menetapkan tempoh asas bagi tahun gagal dan TT seterusnya.
2. Sebuah syarikat yang menukar tempoh perakaunan dan akaun baharu ditutup dalam tahun berikutnya, tempoh tersebut akan diambil sebagai tempoh asas bagi tahun gagal walaupun tempoh perakaunan kurang daripada 12 bulan.
3. Kedua-dua tempoh perakaunan 6-bulan seterusnya merupakan tempoh asas bagi TT berikutnya.

5.6.3 Akaun baharu disediakan bagi tempoh lebih daripada 12 bulan dan berakhir dalam tahun berikutnya

Contoh 4

Pemegang saham Semarak Capital Sdn Bhd memulakan proses pembubaran syarikat pada 1.9.2014 dan melantik seorang penyelesaian pada tarikh yang sama. Syarikat yang kebiasaannya menutup akaun



**TEMPOH ASAS BAGI SYARIKAT
DALAM PEMBUBARAN**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 7/2016
Tarikh Penerbitan: 7 Oktober 2016**

pada 30 Jun setiap tahun telah menukar tempoh perakaunan selepas pembubaran bermula.

Berikut adalah tempoh perakaunan syarikat sebelum dan selepas pembubaran:

TT	Tempoh Perakaunan	Tempoh
2013	01.07.2012 - 30.06.2013	12 bulan
Tahun gagal	01.07.2013 - 31.08.2014	14 bulan
	01.09.2014 - 28.02.2015	6 bulan
	01.03.2015 - 31.08.2015	6 bulan
	01.09.2015 - 28.02.2016	6 bulan
	01.03.2016 - 31.08.2016	6 bulan

Tempoh asas syarikat ditentukan seperti berikut:

TT	Tempoh Asas	Tempoh
2013	01.07.2012 - 30.06.2013	12 bulan
2014	01.07.2013 - 31.08.2014	14 bulan
2015	01.09.2014 - 28.02.2015	6 bulan
	01.03.2015 - 31.08.2015	6 bulan
2016	01.09.2015 - 28.02.2016	6 bulan
	01.03.2016 - 31.08.2016	6 bulan

Nota:

1. Tahun gagal ialah TT 2014 dan KPHDN akan menetapkan tempoh asas bagi TT 2014 dan TT berikutnya.
2. Bagi sebuah syarikat dalam pembubaran dan menukar tempoh perakaunannya, set akaun pertama yang ditutup dalam tahun gagal akan diambil sebagai tempoh asas bagi tahun gagal.
3. Walaupun tempoh perakaunan bagi tahun gagal lebih daripada 12 bulan, tempoh tersebut boleh diterima sebagai tempoh asas bagi TT dalam tahun gagal iaitu TT 2014.
4. Kedua-dua tempoh perakaunan 6-bulan seterusnya merupakan tempoh asas bagi TT berikutnya.

5.6.4 Akaun baharu disediakan bagi tempoh lebih daripada 12 bulan dan berakhir dalam tahun ketiga

Contoh 5

Solo Holdings Sdn Bhd dibubarkan secara sukarela pada 6.2.2015 dan seorang penyelesaian dilantik pada tarikh yang sama. Syarikat pada kebiasaannya menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun.

Berikutan pembubaran syarikat dan pelantikan penyelesaian, akaun syarikat disediakan seperti berikut:

TT	Tempoh Perakaunan	Tempoh
2013	01.01.2013 - 31.12.2013	12 bulan
Tahun gagal	01.01.2014 - 05.02.2015	13 bulan 5 hari
	06.02.2015 - 05.08.2015	6 bulan
	06.08.2015 - 05.02.2016	6 bulan
	06.02.2016 - 05.08.2016	6 bulan
	06.08.2016 - 05.02.2017	6 bulan

Tempoh asas syarikat ditentukan seperti berikut:

TT	Tempoh Asas	Tempoh
2013	01.01.2013 - 31.12.2013	12 bulan
2014	01.01.2014 - 31.07.2014	7 bulan
2015	01.08.2014 - 05.02.2015	6 bulan 5 hari
2016	06.02.2015 - 05.08.2015	6 bulan
	06.08.2015 - 05.02.2016	6 bulan
2017	06.02.2016 - 05.08.2016	6 bulan
	06.08.2016 - 05.02.2017	6 bulan

Nota:

1. Akaun yang disediakan melangkaui satu TT iaitu TT 2014. Oleh itu, KPHDN akan menentukan tempoh asas bagi TT 2014 dan TT 2015.
2. Suatu syarikat yang menukar tempoh perakaunannya dan akaun baharu berakhir dalam tahun yang ketiga, tempoh perakaunan



baharu akan dibahagikan kepada dua tempoh yang sama dan kedua-dua tempoh itu diambil sebagai tempoh asas bagi dua TT pertama bermula dari tahun gagal. Oleh sebab tempoh perakaunan 1.1.2014 hingga 5.2.2015 melibatkan dua TT, tempoh asas bagi TT 2014 dan 2015 ditentukan dengan membahagikan tempoh perakaunan kepada dua tempoh iaitu 7 bulan bagi TT 2014 dan 6 bulan 5 hari bagi TT 2015.

3. Apabila terdapat pembahagian tidak sama rata kepada tempoh asas bagi dua TT, mana-mana bahagian dari suatu bulan hendaklah dianggap jatuh dalam tempoh asas yang pertama bagi menjadikan satu bulan yang lengkap.
4. Kedua-dua tempoh perakaunan 6-bulan seterusnya merupakan tempoh asas bagi TT berikutnya.

5.7 Penentuan tempoh asas bagi situasi tertentu

5.7.1 Pertukaran tempoh perakaunan berlaku sebelum TT 2014

Sekiranya tahun gagal jatuh dalam tahun sebelum tahun 2014, penentuan tempoh asas adalah mengikut peruntukan di bawah subseksyen 21A(3) (sebelum pindaan) dengan mengguna pakai prinsip dalam KU No. 7/2001 (sebelum digantikan dengan KU No. 8/2014 pada 1.12.2014).

Contoh 6

ZEST Malaysia Sdn. Bhd. memulakan pembubaran secara sukarela melalui satu resolusi khas pada 22.11.2013. Tempoh kewangan syarikat biasanya berakhir pada 31 Disember. Berikutan pelantikan seorang penyelesaian pada tarikh yang sama, syarikat telah menukar tempoh perakaunannya.

Berikut adalah tempoh perakaunan syarikat sebelum dan selepas pembubaran:

TT	Tempoh Perakaunan	Tempoh
2012	01.01.2012 - 31.12.2012	12 bulan
Tahun gagal	01.01.2013 - 21.11.2013	10 bulan 21 hari
	22.11.2013 - 21.05.2014	6 bulan
	22.05.2014 - 21.11.2014	6 bulan
	22.11.2014 - 21.05.2015	6 bulan



**TEMPOH ASAS BAGI SYARIKAT
DALAM PEMBUBARAN**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 7/2016
Tarikh Penerbitan: 7 Oktober 2016**

	22.05.2015 - 21.11.2015	6 bulan
--	-------------------------	---------

Tempoh asas syarikat ditentukan seperti berikut:

TT	Tempoh Asas	Tempoh
2012	01.01.2012 - 31.12.2012	12 bulan
2013	01.01.2013 - 31.12.2013	12 bulan
2014	22.11.2013 - 21.05.2014	6 bulan
	22.05.2014 - 21.11.2014	6 bulan
2015	22.11.2014 - 21.05.2015	6 bulan
	22.05.2015 - 21.11.2015	6 bulan

Nota:

1. Jika akaun biasanya ditutup pada 31 Disember dan berlaku pertukaran tempoh perakaunan, tempoh asas dalam tahun berlakunya pertukaran adalah tahun berakhir pada 31 Disember. Tempoh asas bagi TT berikutnya juga adalah tahun berakhir pada 31 Disember, melainkan jika terdapat akaun disediakan untuk tempoh perakaunan 12 bulan yang berakhir dalam tahun itu, maka tempoh perakaunan 12 bulan tersebut adalah merupakan tempoh asas.
2. Tempoh bertindih adalah tempoh dari 22.11.2013 hingga 31.12.2013 dan pendapatan larasan dikira mengikut peruntukan subseksyen 42(2) ACP.

Contoh 7

Satu perintah pembubaran telah dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur terhadap Pinggiran Corporation Sdn. Bhd. pada 16.11.2012. Seorang penyelesai telah dilantik pada tarikh yang sama. Syarikat yang pada kebiasaannya menutup akaun pada 31 Julai setiap tahun telah menukar tempoh perakaunannya selepas pembubaran.

Berikut adalah tempoh perakaunan syarikat sebelum dan selepas pembubaran:

TT	Tempoh Perakaunan	Tempoh
2012	01.08.2011 - 31.07.2012	12 bulan
Tahun gagal	01.08.2012 - 15.11.2012	3 bulan 15 hari



**TEMPOH ASAS BAGI SYARIKAT
DALAM PEMBUBARAN**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 7/2016
Tarikh Penerbitan: 7 Oktober 2016**

	16.11.2012 - 15.05.2013	6 bulan
	16.05.2013 - 15.11.2013	6 bulan
	16.11.2013 - 15.05.2014	6 bulan

Tempoh asas syarikat ditentukan seperti berikut:

TT	Tempoh Asas	Tempoh
2012	01.08.2011 - 31.07.2012	12 bulan
2013	01.08.2012 - 15.11.2012	3 bulan 15 hari
	16.11.2012 - 15.05.2013	6 bulan
2014	16.05.2013 - 15.11.2013	6 bulan
	16.11.2013 - 15.05.2014	6 bulan

Nota:

1. Bagi suatu syarikat yang kebiasaannya menutup akaun pada suatu tarikh selain 31 Disember dan kemudian menukar tempoh perakaunan syarikat, tempoh perakaunan baharu yang ditutup dalam tahun gagal akan diambil sebagai tempoh asas bagi tahun gagal, atau tempoh perakaunan itu akan digabungkan dengan tempoh perakaunan berikutnya dan diambil sebagai tempoh asas bagi tahun gagal.
2. Kedua-dua tempoh perakaunan 6-bulan seterusnya merupakan tempoh asas bagi TT berikutnya.

5.7.2 Tempoh perakaunan bagi tahun gagal terlalu pendek

Contoh 8

TransAct Capital Sdn Bhd sebuah syarikat hartanah pada kebiasaannya menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun. Syarikat memulakan proses penggulungan pada 12.1.2015 dan seorang penyelesaian telah dilantik pada tarikh yang sama. Berikutan pelantikan penyelesaian, akaun pengurusan syarikat telah disediakan bagi tempoh dari 1.1.2015 hingga 11.1.2015. Akaun penyelesaian disediakan setiap enam bulan berikutan pelantikan penyelesaian.

Berikut adalah tempoh perakaunan syarikat sebelum dan selepas tarikh penggulungan:



**TEMPOH ASAS BAGI SYARIKAT
DALAM PEMBUBARAN**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 7/2016
Tarikh Penerbitan: 7 Oktober 2016**

TT	Tempoh Perakaunan	Tempoh
	01.01.2014 - 31.12.2014	12 bulan
Tahun gagal	01.01.2015 - 11.01.2015	11 hari
	12.01.2015 - 11.07.2015	6 bulan
	12.07.2015 - 11.01.2016	6 bulan
	12.01.2016 - 11.07.2016	6 bulan

Tempoh asas bagi syarikat ditentukan seperti berikut:

TT	Tempoh Asas	Tempoh
2014	01.01.2014 - 31.12.2014	12 bulan
2015	01.01.2015 - 11.01.2015	11 hari
	12.01.2015 - 11.07.2015	6 bulan
2016	12.07.2015 - 11.01.2016	6 bulan
	12.01.2016 - 11.07.2016	6 bulan

Nota:

1. Tahun gagal ialah tahun 2015. KPHDN akan menentukan tempoh asas bagi TT 2015 dan TT 2016.
2. Tempoh asas dari 1.1.2015 hingga 11.1.2015 boleh diterima sebagai tempoh asas bagi TT 2015. Walau bagaimanapun, tempoh tersebut adalah terlalu singkat dan tidak dapat menggambarkan aktiviti yang dijalankan oleh syarikat dalam tempoh tersebut. Oleh itu, untuk tujuan praktikal, tempoh tersebut tidak diambil sebagai tempoh asas bagi suatu TT. KPHDN akan menerima tempoh perakaunan sekurang-kurangnya tiga bulan sebagai tempoh asas bagi sesuatu TT. Oleh itu, akaun bagi tempoh 1.1.2015 hingga 11.1.2015 digabungkan dengan akaun bagi tempoh 12.1.2015 hingga 11.7.2015 dan diambilkira sebagai tempoh asas bagi TT 2015.
3. Kedua-dua tempoh perakaunan 6-bulan seterusnya merupakan tempoh asas bagi TT berikutnya.

5.7.3 Pembubaran syarikat dengan beberapa penyelesaian dilantik

Contoh 9

Sakura Stream Sdn Bhd dibubarkan secara sukarela pada 27.12.2013 dan seorang penyelesaian dilantik pada tarikh yang sama. Walau bagaimanapun, atas sebab-sebab tertentu penyelesaian yang dilantik meletakkan jawatan dan penyelesaian kedua dilantik pada 10.5.2014. Syarikat pada kebiasaannya menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun. Ekoran daripada pelantikan penyelesaian pertama dan kedua, akaun syarikat disediakan seperti berikut:

TT	Tempoh Perakaunan	Tempoh
2012	01.01.2012 - 31.12.2012	12 bulan
Tahun gagal	01.01.2013 - 26.12.2013	11 bulan 26 hari
Tahun gagal	27.12.2013 - 09.05.2014	4 bulan 13 hari
	10.05.2014 - 09.11.2014	6 bulan
	10.11.2014 - 09.05.2015	6 bulan
	10.05.2015 - 09.11.2015	6 bulan
	10.11.2015 - 09.05.2016	6 bulan

Tempoh asas syarikat ditentukan seperti berikut:

TT	Tempoh Asas	Tempoh
2012	01.01.2012 - 31.12.2012	12 bulan
2013	01.01.2013 - 31.12.2013	12 bulan
2014	27.12.2013 - 09.05.2014	4 bulan 13 hari
2015	10.05.2014 - 09.11.2014	6 bulan
	10.11.2014 - 09.05.2015	6 bulan
2016	10.05.2015 - 09.11.2015	6 bulan
	10.11.2015 - 09.05.2016	6 bulan

Nota:

- Oleh kerana tahun gagal jatuh dalam TT 2013, penentuan tempoh asas adalah mengikut peruntukan di bawah subseksyen 21A(3) dengan menggunakan pakai prinsip dalam KU No. 7/2001.



**TEMPOH ASAS BAGI SYARIKAT
DALAM PEMBUBARAN**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 7/2016
Tarikh Penerbitan: 7 Oktober 2016**

2. Mulai TT 2014, peruntukan subseksyen 21A(3) ACP diguna pakai di mana KPHDN boleh menetapkan tempoh asas bagi tahun gagal dan tahun berikutan tahun gagal dengan mengguna pakai prinsip dalam KU No. 8/2014.

Akaun bagi tahun gagal disediakan bagi suatu tempoh kurang daripada 12 bulan dan berakhir dalam tahun yang berikutnya. Oleh itu, set akaun pertama yang ditutup dalam tahun gagal akan diambil kira sebagai tempoh asas bagi TT dalam tahun gagal.

Bagi TT 2014, tempoh 27.12.2013 hingga 9.5.2014 akan diambil kira sebagai tempoh asas walaupun tempoh perakaunan disediakan kurang daripada 12 bulan kerana akaun dalam tahun gagal ditutup dalam tahun 2014.

3. Kedua-dua tempoh perakaunan 6-bulan seterusnya merupakan tempoh asas bagi TT berikutnya.

Contoh 10

Pesona Millenium Sdn. Bhd. dibubarkan secara sukarela pada 1.11.2013 dan seorang penyelesaian dilantik pada tarikh yang sama. Walau bagaimanapun, penyelesaian pertama meletakkan jawatan dan penyelesaian kedua dilantik pada 15.11.2013. Penyelesaian kedua pula bersara dan penyelesaian ketiga dilantik pada 10.5.2014. Syarikat menutup akaunnya pada 31 Disember setiap tahun sebelum pembubaran.

Berikut adalah tempoh perakaunan syarikat sebelum dan selepas pembubaran:

TT	Tempoh Perakaunan	Tempoh
2012	01.01.2012 - 31.12.2012	12 bulan
Tahun gagal	01.01.2013 - 31.10.2013	10 bulan
Tahun gagal	01.11.2013 - 09.05.2014	6 bulan 9 hari
	10.05.2014 - 09.11.2014	6 bulan
	10.11.2014 - 09.05.2015	6 bulan

Tempoh asas syarikat ditentukan seperti berikut:

TT	Tempoh Asas	Tempoh
2012	01.01.2012 - 31.12.2012	12 bulan



**TEMPOH ASAS BAGI SYARIKAT
DALAM PEMBUBARAN**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 7/2016
Tarikh Penerbitan: 7 Oktober 2016**

2013	01.01.2013 - 31.12.2013	12 bulan
2014	01.11.2013 - 09.05.2014	6 bulan 9 hari
2015	10.05.2014 - 09.11.2014	6 bulan
	10.11.2014 - 09.05.2015	6 bulan

Contoh 11

Jentayu Corporation Bhd. telah dibubarkan pada 25.3.2012 dan melantik penyeselai pertamanya pada 30.5.2012. Akaun syarikat yang kebiasaannya ditutup pada 30 Jun setiap tahun ditukar kepada 29 Mei selepas penyeselai dilantik. Walau bagaimanapun, penyeselai pertama bersara dan digantikan oleh penyeselai kedua pada 10.10.2014.

Berikut adalah tempoh perakaunan Jentayu Corporation Bhd. sebelum dan selepas pembubaran:

TT	Tempoh Perakaunan	Tempoh
2011	01.07.2010 - 30.06.2011	12 bulan
Tahun gagal	01.07.2011 - 29.05.2012	10 bulan 29 hari
	30.05.2012 - 29.11.2012	6 bulan
	30.11.2012 - 29.05.2013	6 bulan
	30.05.2013 - 29.11.2013	6 bulan
	30.11.2013 - 29.05.2014	6 bulan
Tahun gagal	30.05.2014 - 09.10.2014	4 bulan 11 hari
	10.10.2014 - 09.04.2015	6 bulan
	10.04.2015 - 09.10.2015	6 bulan
	10.10.2015 - 09.04.2016	6 bulan

Tempoh asas syarikat ditentukan seperti berikut:

TT	Tempoh Asas	Tempoh
2011	01.07.2010 - 30.06.2011	12 bulan
2012	01.07.2011 - 29.05.2012	10 bulan 29 hari
2013	30.05.2012 - 29.11.2012	6 bulan
	30.11.2012 - 29.05.2013	6 bulan



TEMPOH ASAS BAGI SYARIKAT DALAM PEMBUBARAN

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Ketetapan Umum No. 7/2016
Tarikh Penerbitan: 7 Oktober 2016

2014	30.05.2013 - 29.11.2013	6 bulan
	30.11.2013 - 29.05.2014	6 bulan
2015	30.05.2014 - 09.10.2014	4 bulan 11 hari
	10.10.2014 - 09.04.2015	6 bulan
2016	10.04.2015 - 09.10.2015	6 bulan
	10.10.2015 - 09.04.2016	6 bulan

Nota:

1. Tahun gagal pertama ialah TT 2012. Syarikat menukar tempoh perakaunannya selepas pelantikan penyelesaian pertama pada 30.5.2012. Tempoh perakaunan baharu diambil kira sebagai tempoh asas tahun gagal iaitu TT 2012. Akaun penyata penerimaan dan bayaran oleh penyelesaian perlu disediakan untuk tempoh setiap 6 bulan selepas tarikh pembubaran.
2. Apabila penyelesaian kedua dilantik selepas persaraan penyelesaian pertama pada 10.10.2014, tempoh perakaunan syarikat ditukar sekali lagi. KPHDN akan menetapkan tempoh asas bagi tahun gagal selepas pelantikan penyelesaian kedua dan tahun berikutan tahun gagal.
3. Tempoh perakaunan baharu dan tempoh perakaunan berikutnya akan digabungkan dan diambil kira sebagai tempoh asas bagi TT dalam tahun gagal. Oleh itu, akaun bagi tempoh 30.5.2014 hingga 9.10.2014 digabungkan dengan akaun bagi tempoh 10.10.2014 hingga 9.4.2015 dan diambilkira sebagai tempoh asas bagi TT 2015.
4. Tempoh perakaunan bagi tempoh 10.4.2015 hingga 9.10.2015 tidak diambil kira sebagai sebahagian tempoh asas bagi TT 2015 kerana ini akan menjadikan tempoh asas bagi TT 2015 menjadi terlalu panjang.
5. Kedua-dua tempoh perakaunan 6-bulan seterusnya merupakan tempoh asas bagi TT berikutnya.

5.7.4 Pembubaran syarikat melalui perintah mahkamah

Contoh 12

Suatu perintah pembubaran telah dikeluarkan oleh Mahkamah ke atas Garuda Property Sdn. Bhd. berkuatkuasa dari 26.10.2015. Sebaik pembubaran syarikat berlaku, Jabatan Insolvensi Malaysia dinamakan sebagai penyelesaian sementara pada tarikh yang sama dan akaun



**TEMPOH ASAS BAGI SYARIKAT
DALAM PEMBUBARAN**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 7/2016
Tarikh Penerbitan: 7 Oktober 2016**

pengurusan disediakan bagi tempoh 26.10.2015 hingga 7.8.2016. Pada 8.8.2016 seorang penyelesaian bersama telah dilantik dan akaun disediakan dari tarikh tersebut sehingga 7.2.2017. Garuda Property pada kebiasaannya menutup akaun syarikat pada 31 Disember setiap tahun.

Berikut adalah tempoh akaun syarikat sebelum dan selepas pembubaran:

TT	Tempoh Perakaunan	Tempoh
2014	01.01.2014 - 31.12.2014	12 bulan
Tahun gagal	01.01.2015 - 25.10.2015	9 bulan 25 hari
Tahun gagal	26.10.2015 - 07.08.2016	9 bulan 13 hari
	08.08.2016 - 07.02.2017	6 bulan
	08.02.2017 - 07.08.2017	6 bulan

Tempoh asas ditentukan seperti berikut:

TT	Tempoh Asas	Tempoh
2014	01.01.2014 - 31.12.2014	12 bulan
2015	01.01.2015 - 25.10.2015	9 bulan 25 hari
2016	26.10.2015 - 07.08.2016	9 bulan 13 hari
2017	08.08.2016 - 07.02.2017	6 bulan
	08.02.2017 - 07.08.2017	6 bulan

Nota:

1. Tahun gagal adalah tahun 2015 dan 2016. Walaupun tempoh perakaunan bagi kedua-dua tahun gagal kurang daripada 12 bulan, tempoh-tempoh tersebut diterima sebagai tempoh asas bagi TT 2015 dan 2016 kerana kedua-dua akaun tersebut ditutup dalam tahun gagal masing-masing.
2. Kedua-dua tempoh perakaunan 6-bulan seterusnya merupakan tempoh asas bagi TT berikutnya.

Contoh 13

Teluk Tenggara Sdn. Bhd. menerima perintah pembubaran daripada Mahkamah berkuatkuasa dari 20.3.2013. Seorang penyelesaian dilantik



**TEMPOH ASAS BAGI SYARIKAT
DALAM PEMBUBARAN**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 7/2016
Tarikh Penerbitan: 7 Oktober 2016**

pada tarikh yang sama dan syarikat yang pada kebiasaannya menutup akaun pada 30 Jun telah menukar tempoh perakaunan selepas pembubaran.

Berikut adalah tempoh perakaunan syarikat sebelum dan selepas pembubaran:

TT	Tempoh Perakaunan	Tempoh
Tahun gagal	01.07.2012 - 19.03.2013	8 bulan 19 hari
	20.03.2013 - 19.09.2013	6 bulan
	20.09.2013 - 19.03.2014	6 bulan
	20.03.2014 - 19.09.2014	6 bulan
	20.09.2014 - 19.03.2015	6 bulan

Tempoh asas ditentukan seperti berikut:

TT	Tempoh Asas	Tempoh
2013	01.07.2012 - 19.03.2013	8 bulan 19 hari
2014	20.03.2013 - 19.09.2013	6 bulan
	20.09.2013 - 19.03.2014	6 bulan
2015	20.03.2014 - 19.09.2014	6 bulan
	20.09.2014 - 19.03.2015	6 bulan

Nota:

1. Jika akaun syarikat disediakan untuk tempoh 12 bulan berakhir pada suatu tarikh selain 31 Disember dalam suatu tahun asas, tempoh perakaunan itu adalah tempoh asas bagi tahun taksiran di mana akaun ditutup.
2. Kedua-dua tempoh perakaunan 6-bulan seterusnya merupakan tempoh asas bagi TT berikutnya.

6. Tarikh Penghantaran Borang Nyata Cukai Pendapatan

- 6.1 Suatu syarikat dikehendaki mengemukakan borang nyata cukai pendapatan (BNCP) dalam tempoh tujuh bulan dari tarikh berikutan penutupan tempoh perakaunan dan peruntukan ini juga terpakai kepada syarikat dalam pembubaran.



**TEMPOH ASAS BAGI SYARIKAT
DALAM PEMBUBARAN**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 7/2016
Tarikh Penerbitan: 7 Oktober 2016**

- 6.2 Syarikat diwajibkan melaporkan pendapatan dalam BNCP berdasarkan akaun beraudit selari dengan peruntukan di bawah Akta Syarikat 1965. Walau bagaimanapun, bagi syarikat dalam pembubaran atau penggulungan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) memberi pengecualian kepada syarikat tersebut dari mengemukakan akaun beraudit kepada SSM. Syarikat berkenaan boleh melaporkan pendapatannya berdasarkan Borang 75 yang muktamad.
- 6.3 Bagi tujuan permohonan surat penyelesaian cukai (SPC), sebuah syarikat dalam pembubaran perlu mengemukakan Borang C (dan Borang R termasuk Borang R31, jika berkenaan) bersama dokumen seperti berikut:

Pembubaran Sukarela oleh Ahli	Pembubaran oleh Pemiutang
Semasa Permohonan SPC	
<i>Form 66 - Declaration of Solvency</i>	<i>Form 65A – Statutory Declaration of Inability of Company to Continue Business, and that Meetings of the Company and its Creditors have been summoned</i>
<i>Form 11 - Notice of Resolution</i>	<i>Form 11 - Notice of Resolution</i>
<i>Form 71 - Notice of Appointment and Location of Liquidator</i>	<i>Form 72 - Notice of Appointment and Location of Liquidator</i>
<i>Form 75 - Liquidator's Account of Receipt & Payments & a Statement of the Position in the Winding Up</i>	<i>Form 75 - Liquidator's Account of Receipt & Payments & a Statement of the Position in the Winding Up</i>
Selepas menerima SPC	
<i>Form 69 - Return by liquidators relating to final meeting & minutes of the final meeting</i>	<i>Form 69 - Return by liquidators relating to final meeting & minutes of the final meeting</i>

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**